

Mahathir boleh menyumbang pembangunan

4n/19/11/09

KUALA LUMPUR 18 Nov. -

Cadangan supaya Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai menteri kanan merupakan sesuatu yang baik kerana bekas Perdana Menteri itu masih boleh menyumbang terhadap pembangunan negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang yang berpengalaman dan boleh bercakap dalam semua bidang seperti agama, politik, ekonomi, antarabangsa dan juga melibatkan aspek perpaduan.

Menurutnya, kepakaran dan pengalaman Dr. Mahathir dalam pentadbiran negara selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri perlu dimanfaatkan supaya ia tidak menjadi sia-sia.

"Beliau merupakan Perdana Menteri paling lama di Malaysia. Pengalamannya yang cukup luas boleh membantu membangunkan lagi negara ke arah menjadi negara maju dan berdaya saing.

"Sewaktu bersama Dr. Mahathir di Sabah baru-baru ini, saya ada berbincang mengenai perkembangan semasa tanah air dan beliau berjanji akan memberi sumbangan kepada negara selagi mampu berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Seminar Teknologi Hijau Dalam Pengurusan Sisa: Pengetahuan dan Amalan Terkini di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak diminta mempertimbangkan cadangan supaya Dr. Mahathir dilantik sebagai menteri kanan.

Lajim berkata, sudah sampai masanya kerajaan melalui Najib dan semua ahli Kabinet menimbangkan cadangan itu.

"Kalau bekas Perdana Menteri masih boleh memberi sumbangan kepada negara, tidak ada sebab untuk kita tidak mempertimbangkan cadangan itu.

"Saya yakin rakyat akan memberi sokongan padu mengenainya, kecuali pakatan pembangkang kerana mereka bimbang kepakaran yang ada pada Dr. Mahathir akan mengurangkan kekuatan mereka," katanya.

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19 / 11 / 2009